

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
JABATAN SEJARAH

SEJARAH PENEMPATAN DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT  
MINANGKABAU DI LENGGENG, NEGERI SEMBILAN

MOHAMMAD MARWAZI B. RAMLI

Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera Dengan Kepujian pada sesi 2000/2001.

---

Penyelia

---

Tarikh

---

Ketua Jabatan Sejarah

---

Tarikh

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan  
ringkasan-  
ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya sertakan sumbernya.

31 Mac 2001



A 66789

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah  
lagi maha mengasihani

Alhamdulillah, setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya di beri sedikit kemampuan dan kesabaran untuk menyiapkan kertas projek ini. Semoga usaha yang sedikit ini mendapat nilaian di sisi Allah S.W.T.

Di ruangan ini juga, saya berbesar hati merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Yahya Bin Abu Bakar selaku penyelia yang telah banyak membantu dan meluangkan masa untuk membimbing saya bagi menyiapkan kertas projek ini. Ucapan ribuan terima kasih juga di ucapkan kepada penduduk Lenggeng, Negeri Sembilan . Semoga Allah membalas segala kerjasama yang ditaburkan.

Terima kasih juga di ucapkan kepada keluarga tersayang kerana memberi dorongan yang padu untuk menyiapkan kertas projek ini.

Khas buat Haslinda Bt. Md. Amin terima kasih atas segala pertolongan, dirimu tetap dalam ingatanku. Kepada teman-teman terutamanya teman serumah, kenangan bersama kalian adalah saat-saat yang indah, semoga persahabatan ini akan kekal abadi buat selamanya.

Akhir bicara, semoga kajian yang sekelumit ini dapat menjadi panduan untuk semua.

Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Selangor Darul Ehsan

Mohammad Marwazi b Ramli  
Kampung Bukit Jambul  
Mukim Ayer Puteh  
06720 Pendang  
Kedah, D.A

## **ABSTRAK**

Kertas projek ini mengkaji tentang kedatangan orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Malaysia terutamanya di Negeri Sembilan. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat sejarah awal penempatan mereka di Lenggeng dan juga keadaan sosioekonomi masyarakat tersebut. Di dalam kertas projek ini juga turut membincangkan tentang kedudukan mereka di zaman pemerintahan Inggeris, Jepun dan selepas merdeka. Melalui kertas projek ini juga telah membincangkan mengenai bidang sosioekonomi masyarakat Minangkabau di Lenggeng dengan lebih terperinci iaitu pada awal tahun 1900 hingga era selepas merdeka.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI FOTO</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>1.0 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN POLA PENEMPATAN DI LENGGENG</b>	<b>1</b>
<b>1.1 Masyarakat Lenggeng Sekitar Akhir Abad ke 19 Dan Awal Abad Ke 20</b>	<b>5</b>
1.1.1 Pola Penempatan	10
<b>1.2 UNSUR KEBUDAYAAN ASLI YANG TERDAPAT DALAM KOMUNITI MINANGKABAU</b>	<b>12</b>
1.2.1 Dari Segi Kepimpinan	12
1.2.2 Tradisi Adat	15
1.2.3 Tradisi Merantau	18

**BAB 2**

<b>2.0 KEGIATAN EKONOMI AWAL 1900-1940</b>	<b>24</b>
<b>2.1 USAHA AWAL MASYARAKAT MINANGKABAU DI LENGGENG</b>	<b>24</b>
2.1.1 Padi	24
2.1.2 Hasil-Hasil Hutan	27
2.1.3 Melombong Bijih Timah	28
<b>2.2 KESAN PENGENALANDAN PERKEMBANGAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU</b>	<b>29</b>
2.2.1 Campurtangan Inggeris Di Sungai Ujong	29
2.2.2 Sektor Getah Sebagai Tanaman Baru Di Lenggeng	31
2.2.3 Perlombongan Sebagai usaha Produktif	36

**BAB 3****KEHIDUPAN MASYARAKAT ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN DAN DARURAT (1941-1957)**

<b>3.0 PENGENALAN</b>	<b>39</b>
<b>3.1 EKONOMI MASYARAKAT LENGGENG DI ZAMAN JEPUN</b>	<b>40</b>
3.1.1 Pendudukan Jepun Di daerah Seremban	40
3.1.2 Keadaan Hidup Penduduk Minangkabau Lenggeng Semasa Jepun	40
3.1.3 Pentingnya Lenggeng Kepada Pihak Jepun	45

<b>3.2 KEADAAN HIDUP ORANG-ORANG MINANGKABAU LENGGENG DI ZAMAN DARURAT</b>	<b>49</b>
3.2.1 Kedudukan Ekonomi Masyarakat	49
3.2.2 Tujuan Komunis Ke Lenggeng	52

**BAB 4****PERKEMBANGAN EKONOMI SELEPAS MERDEKA  
( 1957-1975 )**

<b>4.0 SUMBANGAN AGENSI PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN</b>	<b>55</b>
---	-----------

**BAB 5**

<b>KESIMPULAN</b>	<b>74</b>
-------------------	-----------

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1: Perbandingan Keluasan Dalam Pelbagai Tanaman Di Mukim Lenggeng dan Mukim Setul Tahun 1972

Jadual 2: Harga Pasaran Getah Di Seluruh Negeri Sembilan di Antara Tahun 1972 Hingga 1975

Jadual 3: Perlaksanaan Rancangan Pemulihian Tanah Sawah bagi Mukim Lenggeng dan Mukim Setul pada tahun 1975

Jadual 4 : Perlaksanaan Rancangan Tanaman Padi dua Kali Setahun Di kampung Yang Terlibat di Lenggeng Pada Tahun 1975

Jadual 5 : Jumlah Kawasan Yang Dicadangkan Dan Dilaksanakan Untuk tanaman Pisang Di Kampung Sungai Petai Dan Sungai Macang Hilir, Lenggeng Untuk Tahun 1975

## **SENARAI FOTO**

FOTO 1

Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin  
Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2

Surau Kampung Mendom, Lenggeng  
Sungai Lenggeng

FOTO 3

Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui  
Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan

## **BAB II**

### **2.0 KEGIATAN EKONOMI AWAL 1900-1940**

#### **2.1 Usaha awal Masyarakat Minangkabau di Lenggeng**

##### **2.1.1 Padi**

Masyarakat Minangkabau sejak dahulu lagi sangat terkenal dengan sifat mereka yang suka bertani. Padi merupakan bahan makanan dasar yang paling utama, namun begitu bagi menampung keperluan hidup mereka juga mengusahakan tanaman lain seperti ubi kayu, jagung dan lain-lain. Jadi tidak hairanlah jika dikatakan masyarakat Minang di Sumatera Barat ini sering mendiami kawasan pedalaman dan sekitar sungai yang dianggap terbaik untuk tujuan pertanian.

Syamsul Bahrin dalam bukunya ada menyatakan mengenai cara pemilihan tempat tinggal migrasi Minangkabau yang memilih kawasan kediaman berdasarkan kepada kegiatan pendulang emas dan petani yang menumpukan kawasan pedalaman

sebagai tempat tinggal. Walau bagaimana pun mereka ini masih lagi terpengaruh dan terbawa-bawa dengan tradisi, di mana lebih menyukai kawasan yang mirip seperti kampung halaman mereka di Sumatera<sup>38</sup>. Lenggeng didiami kerana ia bersesuaian untuk pertanian.

Kebanyakan rumah di bina menghadap ke jalan raya, tetapi sekitar abad ke 20 kebanyakan rumah orang-orang Minakabau di Lenggeng di bina menghadap ke sungai-sungai. Ini menandakan bahawa orang-orang Minang di Lenggeng bergantung kepada sungai terutamanya dalam menyelenggarakan bidang pertanian. Di samping sungai Lenggeng terdapat juga sungai Chuho yang bertindak sebagai punca pengairan, pengangkutan dan sumber makanan. Lenggeng juga merupakan kawasan tumpuan sebilangan besar orang-orang Minang yang datang dari Sumatera Barat dan dari sekitar daerah Negeri Sembilan. Penghijrahan dari sekitar Negeri Sembilan kebanyakannya terdiri dari orang yang berasal dari Sumatera Barat, kerana mendapat khabar mengenai kesuburan tanah yang terdapat di Lenggeng<sup>39</sup>.

Orang-orang Minang yang berada di sekitar Negeri Sembilan kebanyakannya dari daerah Jelebu, Kuala Pilah dan Rembau. Sebelum kedatangan pihak Inggeris di Lenggeng, tanah-tanah amat mudah di perolehi terutamanya untuk dijadikan hak milik. Pemilikan tanah sebelum ini tidak di kenakaan sebarang cukai

<sup>38</sup> Shamsul Bahrin, 1964, "The Indonesians In Malaya" University Of Shiffield (M.A), hlm. 155

<sup>39</sup> Abdul Samad Idris, 1968, *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu, hlm. 306

atau bayaran, hal ini telah memberi peluang kepada masyarakat Minang untuk datang ke Lenggeng. Kawasan yang difikirkan subur dan sesuai untuk pertanian serta baik untuk dijadikan kawasan kediaman boleh di tempah terlebih dahulu melalui Penghulu Dagang. Datok Dagang berperanan memastikan kedudukan kawasan serta membuat ukuran ke atas tanah tersebut. Di bawah peraturan pemilikan tanah pada ketika itu orang lain tidak harus atau tidak mempunyai hak menuntut tanah tersebut.

Pendudukan orang Minagkabau menjadikan Mukim Lenggeng ini satu-satunya kawasan pertanian yang subur. Oleh kerana hasil pengeluaran padi yang banyak, terdapat juga di antara mereka yang menjual padi pada pelombong-pelombong Cina di Song Poh . Hanya sekali-sekala sahaja mereka membayar ufti kepada Datok Kelana Sungai Ujong sebanyak 10 gantang padi apabila di perlukan<sup>40</sup>. Apabila Inggeris mentadbir Lenggeng orang asli telah di gerakan untuk menanam padi bukit, sementara orang Minang digalakkan bergiat menanam padi sawah.. Pada akhirnya pihak Inggeris telah mengambil keputusan untuk menghentikan penanam padi bukit memandangkan ianya tidak mendapat pulangan yang besar pada orang asli dan pihak Inggeris. Oleh itu galakan telah dibuat kepada penanaman padi sawah memandangkan ianya sumber makanan dan harus mencukupi untuk keperluan penduduk.

---

<sup>40</sup> Shamsul Bahrin, 1964, 'The Indonesian In Malaya', University Of Sheffiel, (M.A), hlm 155

Jelaslah bahawa permintaan Inggeris supaya menggiatkan lagi orang-orang Minangkabau di Lenggeng menanam padi sawah adalah sebagai keperluan bersama orang-orang Minang dan juga Inggeris sebagai sumber pemakanan yang utama.

### **2.1.2 Hasil-Hasil Hutan**

Masyarakat Minang di Lenggeng tidak hanya tertumpu kepada kegiatan bersawah padi sahaja. Malah ada juga pekerjaan lain yang dijalankan. Pada awal abad ke 20, Lenggeng masih lagi dikelilingi hutan , keadaan ini telah menghasilkan satu lagi usaha mencari rezeki sampingan iaitu hasil hutan. Hasil hutan seperti damar , gharu dan rotan menjadi penting dan akan dijual kepada pendatang-pendatang Cina sebagai sumber sampingan. Hasil-hasil hutan seperti kayu amat penting kepada masyarakat Minang dalam mendirikan rumah atau masjid. Menyedari kepentingan hasil-hasil hutan, orang Minang telah memastikan hutan dapat dijaga dan digunakan untuk perkara-perkara berfaedah.

### 2.1.3 Melombong Bijih Timah

Melombong bijih timah di kalangan orang-orang Minangkabau tidak begitu ketara pada peringkat awal kedatangan mereka di Lenggeng, kerana kebanyakan kawasan adalah untuk menanam padi jika kegiatan perlombongan ini diteruskan juga berkemungkinan besar akan menyebabkan kawasan sawah padi tersebut akan mengalami kerosakan. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah,

“it was decided that the Lenggeng valley which has been occupied by settler from Minangkabau for about thirty year and contains a very fine stretch of rice fields, should not be mined for tin. The valley is believed to be stanni-ferous and has been repeatedly applied for, but the opening of even one or two mines would inevitably destroy it”<sup>41</sup>.

Kegiatan perlombongan bijih timah pada umumnya dijalankan secara sambilan. Mengikut pendapat Datok Yusuf Badin antara sungai yang menjadi tempat melombong ialah sungai Lenggeng, sungai Mendom dan sungai Song Poh yang mana sungai ini merupakan antara sungai terpenting dalam kegiatan melombong bijih timah. Namun begitu terdapat juga sebilangan kecil masyarakat Minang di Lenggeng yang melibatkan diri secara kecil-kecilan dengan melakukan kegiatan

---

<sup>41</sup> E.W.Birch, “Negeri Sembilan Annual Reaport for The Year 1897-1917”, hlm. 2-3

melombong emas. Pengalaman dan kebiasaan melombong emas di Sumatera menyebabkan mereka terdorong untuk menjalankan aktiviti mendulang emas di Lenggeng.

Namun begitu kegiatan melombong secara besar-besaran lebih banyak dikuasai oleh golongan imigran cina memandangkan mereka ini bertindak sebagai buruh. Terdapat juga segelintir masyarakat Minang yang melibatkan diri menjadi buruh upahan dalam bidang ini tetapi hanya bersifat minoriti sahaja. Kemajuan bijih timah lebih berpotensi apabila pihak Inggeris mula menekankan secara intensif sebagai kegiatan ekonomi baru di Negeri Sembilan.

## **2.2 KESAN PENGENALAN DAN PERKEMBANGAN EKONOMI INGGERIS KE ATAS MASYARAKAT MINANGKABAU**

### **2.2.1 Campurtangan Inggeris Di Sungai Ujong**

Datok Kelana Sungai Ujong iaitu Syed Abdul Rahman yang baru dilantik pada 1872 mendapat tentangan yang hebat dari Datok Bandar Tunggal iaitu Abdullah Ahmad semasa sebelum kedatangan Inggeris. Datok Bandar Tunggal merupakan seorang

yang kaya dan memiliki banyak lombong bijih timah di Rasah. Oleh itu, atas dasar kepentingan bijih timahlah yang menyebabkan pihak Inggeris datang ke Lenggeng.

Kehadiran pihak Inggeris juga mempunyai kaitan dengan surat perjanjian yang di buat oleh Datok Muda Linggi bersama dengan Datok Kelana Syed Abdul Rahman dengan Gabenor Inggeris iaitu Sir Andrew Clark di Singapura. Surat itu telah ditandatangani pada 21 April 1874. Ekoran daripada perjanjian tersebut secara tidak langsung Sungai Ujong berada di bawah Perlindungan Inggeris. Pada setiap hari Ahad iaitu bermula pada 10 Oktober 1874 pihak Inggeris mengibarkan benderanya ( Union Jack) berhampiran dengan kediaman Datok Kelana Syed Abdul Rahman iaitu sebagai menghargai perlindungan Inggeris terhadapnya di istilahkan sebagai ‘*as large as a schooneer's main-mast*. Terdapat juga adat istiadat menembak meriam sebanyak 21 das<sup>42</sup> pada keesokan harinya. Datok Kelana juga pernah menulis surat kepada Sir Andrew Clark untuk meminta agar Mr. Ismonger (Hakim Melaka) supaya meletakkan seorang residen<sup>43</sup> di Sungai Ujong.

Kedudukan pihak Inggeris di Sungai Ujong secara tidak langsung telah melibatkan kawasan Lenggeng. Permusuhan di antara Datok Kelana dengan Datok Bandar Tunggal menyebabkan pihak British meletakkan tenteranya bagi mengawal keadaan. Akibat daripada itu Datok Tunggal mengalami kekalahan dan mengaku

<sup>42</sup> R.O Winstedt, 1934, ‘*Negeri Sembilan: The History, Polity And Belief Of The Nine States*’ *JMBRAS*, 12 (3), hlm.71

<sup>43</sup> Pada tahun 1875 Residen British pertama dilantik di Sungai Ujong ialah Patrick J. Murry.

tunduk kepada kerajaan British di Singapura pada 21 Disember 1874<sup>44</sup>. Kemunculan pihak Inggeris di Lenggeng dirasakan oleh sebilangan besar masyarakat Minangkabau kerana mereka menganggap pihak Inggeris telah membawa satu perubahan baru terutamanya dalam bidang ekonomi. Pada awal abad ke20 pihak Inggeris merasakan pembukaan ladang-ladang getah dan lombong bijih timah secara besar-besaran menampakkan keuntungan. Perkembangan ini amat ketara di kawasan Lenggeng di mana pihak Inggeris menampakkan minatnya yang bersungguh-sungguh terhadap tanaman getah yang boleh menguntungkan mereka, sementara sektor perlombongan diusahakan secara lebih Intensif. Akibat daripada kegiatan ekonomi yang dilakukan secara berleluasa telah memberi kesan terhadap sebilangan kecil masyarakat Minangkabau yang masih mengamalkan pertanian sara diri.

### **2.2.2 Sektor Getah Sebagai Tanaman Baru Di Lenggeng**

Permintaan terhadap getah di pasaran dunia telah mengalami peningkatan pada awal abad ke20 menyebabkan pihak Inggeris menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pengeluaran getah. Oleh yang demikian pihak Inggeris secara tidak langsung telah membawa pemodal-pemodal dari luar untuk membuka ladang getah di samping sektor tenaga buruh. Antara pemodal-pemodal yang terlibat dalam

---

<sup>44</sup> C. Northcote Parkinson, *British Intervention In Malaya 1867-1877*, 1960, Singapore: University Of Malaya Press, hlm. 181.

pelaburan tersebut ialah saudagar dari Eropah dan Imigran-imigran Cina dan India. Kesan daripada perkara tersebut pada tahun 1903 terdapat satu laporan dari Pentadbiran Negeri Sembilan menyatakan:

“The boom in rubber still continues. During the year about 20000 acres of land for this cultivision were applied for, chiefly in the Seremban district. Good price for continue to be realised for rubber sent To England. It is interesting as i have stated elsewhere to see that rubber to the value of \$3714 was exsport during the year as againt \$250 worth in 1902. This output will be considerably increased in 1904.”<sup>45</sup>

Pembukaan ladang getah ini melibatkan pemodal besar seperti Inggeris dan saudagar Cina, misalnya di Lenggeng Kapitalis Inggeris membuka ladang getah seperti Lenggeng Estate, Barbara Estate sementara golongan Cina pula membuka ladang seperti Gransia Estate. Secara tidak langsung bolehlah di katakan pihak saudagar Inggeris dan Cinalah yang memainkan peranan besar dalam memperkembangkan lagi usaha-usaha ekonomi pihak Inggeris.

Di samping imigran India dan Cina yang dibawa masuk terdapat juga orang-orang Minangkabau yang ditawarkan untuk bekerja di sektor perladangan. Kedatangan orang-orang Cina ke Lenggeng untuk bekerja di sektor perladangan dan perlombongan ternyata melebihi daripada buruh India. Oleh itu, masyarakat

---

<sup>45</sup> FMS, “Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1903 By Frederick Joseph Weld”, Kuala Lumpur, hlm 4.

Minangkabau terpaksa bersaing hebat dengan orang-orang Cina dalam sektor perladangan.

Kegiatan perusahaan getah di atas tanah sendiri hanya memperlihatkan sebahagian kecil daripada masyarakat Minangkabau melibatkan diri dalam sektor yang menguntungkan ini. Kebanyakan daripada mereka lebih cenderung untuk memilih menjadi buruh sambilan sahaja memandangkan perusahaan getah memerlukan modal yang besar dan bersaing dengan pelabur yang lain. Hal ini dapat di lihat melalui penulisan yang di buat oleh Emerson'

"Di ladang Yang luasnya 100 ekar atau lebih bilangan buruh yang di ambil bekerja kurang dari 1/5 orang-orang Cina, sementara bakinya orang melayu yang terdiri daripada orang dagang yang baru datang ke Tanah Melayu dari pulau Hindia Belanda dan bangsa-bangsa lain".<sup>46</sup>

Pengenalan tanaman getah dan perkembangannya tidak memberi kesan dan boleh dianggap efektif terhadap masyarakat Minangkabau memandangkan mereka masih lagi mengekalkan sistem tradisi penanaman padi. Pada pandangan mereka padi merupakan makanan utama yang sangat penting, sementara mereka menganggap bidang usaha yang lain hanya merugikan tenaga dan masa. Oleh itu bidang penanaman getah tidak begitu di minati memandangkan ianya tidak dapat memberi pulangan yang lumayan kepada mereka. Pada masa yang sama juga pihak

---

<sup>46</sup> Emerson, 1979, *Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm.151.

Inggeris tidak begitu menggalakkan masyarakat Minangkabau terlibat dalam bidang penanaman getah tetapi lebih menumpu kepada tanaman padi memandangkan ianya makanan asas sementara hasil tuaian yang lebih bolehlah digunakan untuk penduduk setempat.

Kegiatan Inggeris lebih cenderung dalam memajukan tanaman getah, di mana hutan ditebang untuk menggiatkan lagi penanamannya. Anuar Maarup di dalam penulisannya kesan dari dasar Inggeris di Lenggeng telah menyebabkan terhentinya penghijrahan orang Minangkabau dari Sumatera ke Lenggeng<sup>47</sup>. Sementara sekitar 1920an tanah-tanah hutan kebanyakan dikawal memandangkan pihak Inggeris ingin membuka lebih banyak ladang-ladang getah.

Akibat daripada perkembangan perusahaan getah menyebabkan pihak Inggeris mengubah dasar pentadbirannya dengan meletakkan orang-orang Minang ke hulu-hulu sungai dan kawasan pedalaman untuk menanam padi. Dasar Inggeris yang mengekalkan

cara hidup masyarakat untuk tempoh yang agak lama telah menjadikan masyarakat tersebut telah tertinggal ke belakang dari arus pemodenan tanaman baru.<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Anuar Maarup, 1975/76, ‘Pergerakan Penduduk: Huraian Dan Analisis Satu ‘case’ Di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, Negeri Sembilan”, hlm. 25

<sup>48</sup> C.C Meek, 1943, *Land Law And Ceustom In The Colonies*, London: Oxford University Press, hlm. 7

Galakan pihak Inggeris terhadap orang Minangkabau di Lenggeng untuk menanam padi adalah baik , namun begitu usaha-usaha praktikal tidak banyak dilakukan bagi mempertingkatkan hasil tanaman. Pihak Inggeris pernah mengadakan usaha untuk melindungi tanah masyarakat Minang daripada di rosakkan oleh orang-orang Cina, meskipun mereka telah diberi kebenaran mengusahakan tanaman seperti pisang. Jika sekiranya mereka melanggar atau memberi kesan buruk ke atas tanaman orang Minang , mereka akan di beri notis agar meninggalkan kawasan tanaman mereka.

Situasi ini telah berubah bila mana harga getah melambung tinggi di sekitar tahun 1910-1912 menyebabkan minat para petani Minangkabau menukar kegiatan mereka. Namun begitu mereka yang terlibat dalam perusahaan ini hanya terdiri dari sebahagian kecil sahaja, jika dibandingkan dengan penanam padi. Konsep ekonomi pasaran yang diperkenalkan oleh Inggeris secara besar-besaran telah membabitkan soal kewangan. Hasil pengenalan ini telah menyebabkan masyarakat Minangkabau di Lenggeng telah mula mengenali konsep wang serta nilainya dengan lebih meluas. Keadaan ini membuatkan masyarakat Minang setanding dengan masyarakat Cina dan India bagi mendapatkan wang yang lebih untuk menampung kos sara diri dan kesannya penggunaan wang semakin ketara berkembang.

Pekan Mantin sekitar tahun 1900-1910 merupakan kawasan berjual beli bagi penduduk Lenggeng. Pengangkutan jalan raya dari Lenggeng ke Mantin belum lagi wujud menyebabkan orang Minangkabau terpaksa berjalan kaki melalui hutan sambil memikul hasil tanaman untuk jualan. Kegiatan ini memperlihatkan masyarakat Minang secara tidak langsung terlibat dalam arus perubahan yang diperkenalkan oleh Inggeris walaupun dalam kadar yang sederhana.

### **2.2.3 Perlombongan Sebagai Usaha Produktif**

Kegiatan perlombongan bijih timah bukanlah sesuatu yang baru di kalangan masyarakat Minangkabau di Lenggeng. Kegiatan ini telah lama dilakukan sebelum kedatangan pihak Inggeris lagi. Kaedah yang digunakan meliputi cara tradisional iaitu dengan mendulang, tetapi setelah pihak Inggeris datang, mereka telah membawa perubahan terutamanya dalam kaedah melombong menyebabkan masyarakat Minang diketepikan dari bidang tersebut.

Sebenarnya pihak Inggeris hanya memandang mereka amat sesuai bekerja sebagai penanam padi dan juga buruh. Inggeris lebih membuka peluang kepada pihak kapitalis Barat dan migran Cina yang lebih bermodal. Sementara pekan Song Poh menjadi tempat golongan Cina melombong. Di dapati pada tahun 1902

sebilangan besar tauke Cina dari pelbagai syarikat membawa masuk sejumlah pekerja di kalangan cina, terdapat seramai 4550 orang pekerja Cina di Lenggeng.<sup>49</sup>

Sementara pada tahun 1906 sebuah syarikat baru telah dibentuk iaitu Setul Hydraulic Tin Mining Company Limited, dan tanah bagi syarikat tersebut terletak di Lenggeng<sup>50</sup>. Syarikat yang dimiliki oleh Mr. Tedlie telah diberi permit untuk mengusahakan lombong biji timah dengan cara melampang( menggunakan kaedah air) selama hampir dua tahun beroperasi telah mendatangkan kesan terhadap tanah sawah yang berdekatan. Oleh itu Hj Mohd Bin Hj Semar ( Penolong Penghulu Lenggeng ketika itu) telah membuat pengaduan dengan mengirim sepucuk surat kepada Datok Kelana Sungai Ujong<sup>51</sup>. Dalam pada masa ini Datok Kelana memainkan peranan penting dalam mendapatkan bantuan dari Residen hasil daripada pengaduan tersebut dengan mengirim sepucuk surat rasmi kepada Residen D.G Cambell. Penyelesaian diselesaikan oleh Residen British yang berakhir dengan bayaran pampasan sebanyak \$200 oleh Syarikat Setul Hydraulic Tin Mining Company Limited kepada setiap orang yang tanahnya terlibat dalam hal terbabit.

Di sini dapatlah di lihat bahawa pihak Inggeris tidak mengenepikan aduan orang Minangkabau sebaliknya ia juga menitikberatkan kebajikan orang Minang dari

<sup>49</sup> FMS, “Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1902 By Walter Edgerton”, Kuala Lumpur.

<sup>50</sup> FMS, “Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1906 By R.C.Grey”, Kuala Lumpur

<sup>51</sup> Fail British Resident’s Office Negeri Sembilan 1905-1908” N.S 3081/07 (NS 20), Arkib Negara

sebarang gangguan bangsa asing. Penjelasan ini dapat di lihat melalui kenyataan di bawah,

“ British menganggap orang melayu sebagai penduduk bumiputera Malaya. Mereka menganggap orang Cina dan India sebagai penghijrah masuk Yang tidak mempunyai minat untuk menetap di negeri ini. Mereka Mengakui bahawa orang Cina mempunyai peranan ekonomi yang sangat Penting tetapi pada mereka ini bukanlah memberi orang Cina hak mutlak Untuk memainkan peranan dalam politik. Malaya adalah tanah air orang Melayu. Sekiranya persaingan dari orang Cina mengancam kedudukan Orang Melayu maka orang Melayu haruslah dilindungi”.<sup>52</sup>

Secara ringkasnya perkembangan bijih timah tidak melibatkan orang Minangkabau sepenuhnya. Mereka masih lagi mengekalkan konsep tradisi iaitu menumpukan perhatian terhadap bidang pertanian tanaman padi. Mereka beranggapan dengan bertani sajalah dapat hidup senang. Reaksi inilah yang menyebabkan berlaku perkembangan ekonomi Inggeris di Lenggeng sebelum tahun 1941.

---

<sup>52</sup> Graham Saunders, 1978, *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia, Sdn.Berhad, hlm. 3

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu Berhad.
- Anuar Maarup. 1975/76. "Pergerakan Penduduk : Huraian dan Analisa Satu 'case' Di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, Negeri Sembilan". Latihan Ilmiah Jabatan Geografi. UKM.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewaan Bahasa Dan Pustaka.
- Emerson Rupert. 1979. *Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Graham Saunders. 1978. *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Berhad.
- J. Conde. 1979. *Rural Development Concept And Objectives*. Dev. Centre Of The Organisation For Economic Co-operation And Paris.
- Joginder Singh Jessy. 1979. *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independent In Malaya, 1945-1957*. Selangor : Institute For Social Analysis (INSAN).
- M.Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoelo. 1970. *Negeri Sembilan Hubungannya dengan Minangkabau*. Jakarta : Padang Pandjang.
- Meek. C.C. . 1943. *Land Law And Custom In The Colonies*. London : Oxford University Press.
- Mochtar Naim. 1979. *Merantau- Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Jakarta : Gadjahmada University Press.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- \_\_\_\_\_. 1976. *Sistem Sosial adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- Ooi Jin Bee. 1976. *Penisular Malaysian*. Hong Kong.

- Parkinson C.N. .1960. *British Intervention In Malaya 1867-1877*. Singapore : University Of Malaya Press.
- Shamsul Bahrin. 1964. "The Indonesians In Malaya". University Of Sheffield (M.A).
- Wilkinson R.J. 1971. *Papers On Malay Subject*. Oxford University Press.

## JOURNAL

- Gullick J.M. 1948. "Sungai Ujong. JMBRAS, 22 (2).
- Lister.M. 1887. "The Negeri Sembilan: Their Origin And Constitution. JMBRAS.
- Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History, Polity And Belief Of The Nine States". JMBRAS, 12 (3).

## LAPORAN

- "Ke arah pertanian moden Di Malaysia: 75 Tahun pertama Jabatan Pertanian", Jabatan Pertanian Malaysia.
- Federal Malaya States, "Report On The Present System Of Forest Administration In The FMS With suggestion For The Future Management Of The Forest Of Those States By H.C. Hill", Kuala Lumpur, 1900
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1902 By Walter Egerton", Kuala Lumpur.
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1903 By Frederick Joseph Weld", Kuala Lumpur
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1906 By R.C. Grey", Kuala Lumpur
- Laporan Tahunan 1972, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1973, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1974, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1975, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1897-1917

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1946

Negeri Sembilan States Development Office, "Ringkasan Rancangan-rancangan Bagi Tiap-tiap Daerah Dan Rancangan –rancangan Lima Tahun Kedua Pembangunan Luarbandar 1964-65

Rancangan Buku Hijau, Panduan Tindakan Daerah, Kerajaan Malaysia, Disember 1974

## **FAIL**

British Military Administration, 1942-47, Depl No. Dept/9/4, "Colonial Of Food, Imports For Feeding Population In 1946

British Military Administration, 1942-47, Fail No. Dept/9/4, "Food Control And Rationing Food Situation Malay Peninsula".

Fail Negeri Sembilan British Resident's Office, ( NS 20 ), 3081/07

## **MAJALAH**

Edward Djamaris, 1982, "Bahasa Melayu Minangkabau", dalam Dewan Bahasa

## **KERTAS KERJA**

Abdul Samad Idris, 1974, " Kemurnian Dalam Adat Perpatih", dalam Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan

Ahmad Fuad Muhammad, Esmawi Othman, Nafisah Hj. Hassan, Shahbuddin Abu, "Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia-Mukim Setul, Lenggeng Dan ulu Beranang", Pusat Perkembangan Dan Pendidikan Lanjutan, Kertas Seminar, Penerbitan Perkembangan No. 8, KDN 9701.

Faridah Hj. Mohd. Zubir, 1987, "Sejarah Pendudukan Jepun Di Tanah melayu 1942-45", Maktab Perguruan Sultan Idris, Kertas Kerja,

Noridah Abd. Talib, 1977/78, "Adat Perpatih Di Negeri Sembilan", dalam Kertas Kerja, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur

## **SENARAI NAMA RESPONDEN**

Nama : En. Rahman b. Taid

Umur : 75 tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 12 Januari 2001

Nama : Tuan. Hj. Abu Bakar B. Mohd Raiz

Umur : 77 Tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Sharif b. salim

Umur : 75 Tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Mohd Nawi b. Yatim

Umur : 74 Tahun

Pekerjaan : Pesara


Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

# LAMPIRAN



جامعة ماليزيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN SEJARAH

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN & KEMANUSIAAN

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

Tel: 03-8292711

Fax: 03-8293290

---

Jabatan Sejarah

UKM 1.8.4/10/2

Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan

Tarikh:

---

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Prof. /Dato'/Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Sdr./Sdri. MOHD MARWAZI BRAHMI (No. Matrik: A 66789) adalah seorang pelajar Tahun Akhir (Kepujian) Jabatan Sejarah, Program KYM-UKM yang sedang menjalankan penyelidikan untuk penulisan kertas projek sebagai memenuhi syarat mendapatkan ijazah sarjana sastera dengan kepujian di bidang Sejarah.

2. Oleh yang demikian besarlah harapan saya agar sudi kiranya pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan dapat membenarkan beliau membuat rujukan bahan-bahan yang berkaitan di tempat Prof./Dato'/Tuan/Puan sepanjang penyelidikan dilakukan.

Segala kerjasama dan bantuan dari pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

Yang benar,

PROF. MADYA DR. KHAZIN MOHD. TAMRIN

Ketua

Jabatan Sejarah

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

## Lampiran 2


Peta Semenanjung Malaysia



Sumber : A History Malaysia, Barbara Watson Andaya, Leonard Y. Andaya, 1982.

### Lampiran 3

Peta Negeri Sembilan



Sumber : Pejabat Pelancongan Negeri Sembilan

FOTO 1



Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin



Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2




Surau Kampung Mendor, Lenggeng



Sungai Lenggeng

### FOTO 3



Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui



Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan